PERKEMBANGAN PADA SUKU KEEMPAT 2013

PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

Ekonomi terus berkembang

Aktiviti ekonomi global bertambah baik pada suku keempat. Dalam ekonomi maju, pemulihan adalah berterusan, meskipun pada kadar yang perlahan. Di Asia, sesetengah ekonomi mendapat manfaat daripada permintaan luaran yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, pertumbuhan terjejas akibat faktor dalam negeri yang mengimbangi prestasi eksport yang lebih baik. Dalam keadaan persekitaran pertumbuhan yang sederhana dan inflasi yang rendah, dasar monetari global terus kekal sangat akomodatif.

Pergerakan dalam pasaran kewangan global didorong terutamanya oleh ketidakpastian dasar di AS. Pada permulaan suku keempat, pasaran ekuiti jatuh berikutan penutupan kerajaan AS. Walau bagaimanapun, trend ini bertukar arah apabila kerajaan AS memulakan semula operasinya pada 17 Oktober selepas isu pendanaan diselesaikan. Yang penting, S&P dan Dow Jones mencecah paras tertinggi berikutan pengumuman mengenai data ekonomi AS dan prospek pertumbuhan yang lebih baik, serta terdapat penunjuk bahawa Federal Reserve (Fed) akan mengekalkan dasar kadar faedahnya yang rendah. Dengan ekonomi US bertambah baik, pelabur mengambil peluang untuk mengurangkan pegangan aset mereka di Asia yang sebelum ini mencatat kenaikan harga yang nyata disebabkan oleh permintaan yang kukuh. Turun naik seperti ini ialah sebahagian daripada kelakuan pasaran kewangan dalam persekitaran mudah tunai global yang berlebihan. Di samping itu, terdapat juga faktor-faktor khusus di negara tersebut yang mendorong aliran keluar. Sentimen pelabur di Thailand dan di Filipina masing-masing terjejas oleh kemelut politik dan kesan buruk daripada Taufan Haiyan. Di Indonesia, kebimbangan yang berterusan mengenai keadaan ekonomi menyebabkan kemerosotan dalam keadaan pasaran kewangan. Di RR China, kadar pasaran wang yang meningkat menambah kebimbangan mengenai mudah tunai pasaran, dalam keadaan kebimbangan yang berterusan mengenai kadar pertumbuhan ekonomi. Menjelang akhir suku keempat, keputusan Fed untuk mula mengecilkan skala program pelonggaran kuantitatifnya (quantitative easing, QE) mengakibatkan beberapa pasaran kewangan di Asia menjadi bertambah lemah.

Ekonomi AS mencatat pertumbuhan yang lebih kukuh pada suku akhir tahun 2013 (2.7%; S3 2013: 2.0%). Pada asas tahunan yang terlaras secara bermusim, pertumbuhan lebih rendah sedikit pada 3.2% (S3 2013: 4.1%). Pertumbuhan didorong terutamanya oleh penggunaan yang lebih kukuh dan peningkatan dalam inventori swasta. Meskipun penutupan kerajaan dan perdebatan mengenai kadar tertinggi hutang menjejaskan secara sementara sentimen pengguna dan perniagaan pada bulan Oktober, penggunaan dan pelaburan terus mencatat peningkatan pada baki tempoh suku keempat, mencerminkan asas sektor swasta yang kukuh. Dalam pasaran pekerja, peluang pekerjaan bersih yang diwujudkan bertambah kepada 586,000 (S3 2013: 515,000) dalam keadaan pengambilan pekerja yang meningkat dalam sektor perkilangan dan runcit. Walau bagaimanapun, momentum pemulihan pasaran perumahan menjadi sederhana pada suku keempat, apabila kadar gadai janji yang meningkat memberikan kesan pada kadar pembinaan rumah kediaman dan jualan rumah. Kadar inflasi menjadi sederhana kepada 1.2% (S3 2013: 1.6%) berikutan harga tenaga yang terus lemah.

Di kawasan euro, penunjuk ekonomi secara amnya menunjukkan aktiviti ekonomi yang terus pulih, meskipun pada kadar yang perlahan. Prestasi ekonomi keseluruhan disokong oleh peningkatan eksport yang sederhana. Walau bagaimanapun, kebimbangan mengenai struktur dan fiskal

terus menjejaskan permintaan dalam negeri dalam keadaan pelarasan lembaran imbangan yang berterusan dalam sektor awam dan swasta. Inflasi menjadi sederhana kepada 0.8% (S3 2013: 1.3%) disebabkan oleh harga tenaga dan makanan yang lemah.

Ekonomi UK berkembang sebanyak 2.8% (S3 2013: 1.9%). Pada asas terlaras secara bermusim, pertumbuhan suku tahunan mencatat peningkatan sebanyak 0.7% (S3 2013: 0.8%). Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama pertumbuhan disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam sektor perkhidmatan perniagaan dan kewangan. Kadar inflasi menurun kepada 2.1% (S3 2013: 2.7%) berikutan kenaikan lebih perlahan dalam harga makanan serta barangan dan perkhidmatan rekreasi.

Di Jepun, aktiviti ekonomi mendapat manfaat daripada permintaan dalam negeri yang lebih baik. Penggunaan meningkat, didorong oleh perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi terhadap barangan tahan lama dan pendapatan. Pelaburan meningkat apabila sentimen perniagaan terus bertambah baik dengan bancian Tankan bagi perusahaan perkilangan besar meningkat kepada 16 (S3 2013: 12). Dari segi permintaan luaran, eksport mencatat pertumbuhan yang positif sebanyak 17.4% (S3 2013: 12.7%) disebabkan terutamanya oleh penghantaran yang lebih besar ke Asia, AS dan Eropah Barat. Inflasi (tidak termasuk makanan segar) meningkat (1.1%; S3 2013: 0.7%) berikutan kenaikan dalam kos pendidikan dan rekreasi. Inflasi teras bertukar positif (0.5%; S3 2013: 0.0%).

Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar

	2012		2013		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
AS[1]	0.1	2.8	4.1	3.2[a]	1.9[a]
UK	0.2	0.2	1.9	2.8[p]	1.9[p]

[1] Berasaskan kadar tahunan (annualised)
[a] Anggaran awal
[p] Awalan

Sumber: Pihak berkuasa negara

Pendirian dasar monetari dalam ekonomi maju kekal sangat akomodatif tetapi wujud peralihan dari segi kecenderungan dasar, mencerminkan kadar pemulihan ekonomi yang berbeza-beza. Berikutan keadaan pasaran pekerja di AS yang secara kumulatif lebih baik, Fed mengumumkan pada bulan Disember bahawa kadar pembelian aset bulanannya akan dikurangkan sebanyak USD10 bilion kepada USD 75 bilion pada bulan Disember 2013 dan seterusnya pada bulan Januari 2014 kepada USD65 bilion sebulan. Dalam minit mesyuarat FOMC pada bulan Disember, kebanyakan ahli FOMC membayangkan bahawa pengurangan pembelian aset seterusnya akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Walau bagaimanapun, Fed menegaskan bahawa pengurangan kadar pembelian aset bukanlah tindakan yang ditetapkan terlebih dahulu. Langkah ini terus bergantung pada keadaan pasaran tenaga kerja dan perkembangan inflasi. Meskipun unjuran pertumbuhan secara keseluruhannya tidak berubah, unjuran untuk kadar pengangguran adalah lebih rendah iaitu 6.3-6.6% pada tahun 2014 dan 5.8-6.1% pada tahun 2015 (Sebelumnya: masing-masing 6.4-6.8% dan 5.9-6.2%). Selain itu, Fed juga meneruskan pendirian dasar monetari sedia ada yang bersifat “forward guidance”, dan mengeluarkan pernyataan bahawa kadar federal funds semasa akan dikekalkan walaupun kadar pengangguran telah menurun melangkaui paras ambang 6.5%.

Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar

	2012		2013		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
RR China	7.9	7.7	7.8	7.7	7.7
Filipina	7.1	6.8	6.9[d]	6.5	7.2
Indonesia	6.2[d]	6.3[d]	5.6	5.7	5.8
Singapura	1.5	1.3	5.9[d]	4.4[a]	3.7[a]
Korea	1.5	2.0	3.3	3.9[a]	2.8[a]
China Taipei	3.9	1.5	1.7	2.9[a]	2.2[a]

[p] Awalan
[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Di kawasan euro, European Central Bank (ECB) menurunkan kadar faedah kepada 0.25% pada bulan November. Keputusan ini berasaskan penunjuk terkini yang menunjukkan bahawa tempoh inflasi rendah akan berpanjangan di bawah sasaran 2%. ECB juga menegaskan semula "forward guidance" untuk dasar monetarinya kekal akomodatif selama diperlukan. Sementara itu, Bank of England dan Bank of Japan masing-masing mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif.

Meskipun permintaan luaran bertambah baik, aktiviti ekonomi dalam negeri bagi kebanyakan ekonomi Asia menjadi sederhana pada suku keempat disebabkan oleh faktor khusus dalam negara-negara ini. Di RR China, pertumbuhan lebih rendah sedikit pada 7.7% (S3 2013: 7.8%), disebabkan terutamanya oleh pelaburan dan eksport bersih yang lebih perlahan dalam keadaan kredit yang lebih ketat. Pertumbuhan di Filipina menjadi sederhana kepada 6.5% (S3 2013: 6.9%) apabila aktiviti ekonomi terjejas teruk akibat Taufan Haiyan pada bulan November. Ekonomi Singapura juga berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.4% (S3 2013: 5.9%) disebabkan oleh aktiviti ekonomi yang secara keseluruhan sederhana. Di Indonesia, aktiviti ekonomi berkembang sebanyak 5.7% (S3 2013: 5.6%) apabila peningkatan eksport lebih daripada mengimbangi permintaan dalam negeri yang sederhana berikutan inflasi yang tinggi dan dasar monetari yang lebih ketat. Ekonomi Korea dan China Taipei berkembang pada kadar yang lebih cepat masing-masing sebanyak 3.9% dan 2.9% (S3 2013: masing-masing sebanyak 3.3% dan 1.7%), disokong oleh permintaan dalam negeri dan eksport yang lebih baik.

Inflasi meningkat dalam beberapa ekonomi Asia (RR China, Singapura, China Taipei dan Filipina) disebabkan terutamanya oleh kos makanan yang lebih tinggi. Di Filipina, inflasi didorong oleh kenaikan kos makanan dan utiliti selepas dilanda Taufan Haiyan. Harga naik sedikit di Thailand apabila kos makanan yang lebih tinggi sebahagiannya diimbangi oleh harga pengangkutan, perumahan dan tenaga yang sederhana. Sementara itu, inflasi di Indonesia kekal tinggi tetapi menjadi sederhana sedikit disebabkan oleh kenaikan yang lebih perlahan dalam harga makanan, pakaian dan pendidikan.

Kebanyakan bank pusat serantau mengekalkan pendirian dasar monetari yang akomodatif untuk menyokong pertumbuhan. Pada bulan November, Bank of Thailand (BOT) menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 25 mata asas (bps) kepada 2.25% untuk mengurangkan risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan ekoran prospek inflasi yang rendah dan pertumbuhan kredit isi rumah yang semakin sederhana. Sebaliknya, Bank Indonesia menaikkan kadar penanda arasnya sebanyak 25 mata asas kepada 7.50% untuk mengurangkan defisit akaun semasa. Pada bulan Januari 2014, Reserve Bank of India (RBI) menaikkan kadar repo dasar utamanya sebanyak 25 mata asas kepada 8.0% apabila inflasi teras kekal tinggi. Nisbah Rizab Tunai (Cash Reserve Ratio, CRR) dikekalkan pada 4.0%.

Harga minyak mentah menjadi sederhana kepada purata USD109 setong (S3 2013: USD110 setong). Harga minyak adalah lebih rendah pada permulaan suku keempat disebabkan oleh beberapa faktor. Harga menurun berikutan ketidakpastian geopolitik yang reda di Syria. Seterusnya, kenaikan inventori minyak AS yang ketara memburukkan lagi kejatuhan harga kepada paras terendah dalam tempoh 3 bulan pada USD103 setong pada awal bulan November. Ini diikuti kemudiannya oleh sikap optimis terhadap pemansuhan separa sekatan Iran yang menyebabkan terdapatnya jangkaan bekalan minyak yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, trend ini seterusnya bertukar arah ekoran kebimbangan terhadap gangguan bekalan minyak di Libya, serta permintaan yang lebih tinggi untuk pemanasan ekoran musim sejuk yang teruk di Amerika Utara. Menjelang akhir tahun 2013, harga minyak ditutup pada USD111 setong.

Kebanyakan mata wang utama mengakhiri suku keempat lebih tinggi berbanding dengan dolar AS, kecuali yen Jepun. Pada permulaan

suku keempat, sentimen pelabur yang lebih baik berikutan penyelesaian sementara isu fiskal di AS menyokong penambahan nilai kebanyakan mata wang utama berbanding dengan dolar AS. Euro dan sterling juga mendapat manfaat daripada pengumuman data ekonomi yang lebih baik daripada jangkaan. Walau bagaimanapun, euro menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada pertengahan suku keempat disebabkan terutamanya oleh penurunan penarafan kerajaan Perancis dan penurunan kadar dasar ECB. Trend menurun ini bertukar arah pada separuh kedua suku keempat, disokong oleh prospek yang bertambah baik dalam ekonomi kawasan euro serta pernyataan ECB bahawa kadar faedah akan kekal rendah. Sementara itu, yen Jepun secara keseluruhannya menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sepanjang suku keempat disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah terhadap yen sebagai mata wang 'safe haven'. Di Asia, kebanyakan mata wang juga mengakhiri suku keempat lebih rendah berbanding dengan dolar AS, disebabkan terutamanya oleh ketidakpastian mengenai pengecilan skala QE Fed. Penyusutan nilai mata wang ASEAN menjadi bertambah buruk disebabkan oleh faktor khusus dalam negara-negara ini, iaitu kebimbangan mengenai kedudukan akaun semasa di Indonesia, kemelut politik di Thailand dan impak yang buruk terhadap ekonomi akibat Taufan Haiyan di Filipina. Walau bagaimanapun, won Korea mengatasi mata wang serantau dan mengakhiri suku keempat lebih tinggi berbanding dengan dolar AS, disokong oleh keyakinan pelabur terhadap prospek ekonomi negara itu dan lebihan akaun semasa yang besar.

Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka terus pulih pada kadar yang sederhana. Pemulihan yang berterusan dalam ekonomi maju akan memberikan manfaat kepada perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, ketidakpastian mengenai pelarasan dasar monetari dan fiskal dalam ekonomi maju dijangka berterusan. Pertumbuhan ekonomi Asia dijangka disokong oleh keadaan luaran yang lebih baik dalam keadaan permintaan dalam negeri yang semakin sederhana.